

16/06/2002

Perwakilan Umno bijak berhujah

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PERHIMPUNAN Agung Umno minggu ini, bakal dihangatkan dengan perbahasan yang membabitkan pelbagai isu semasa terutama berkaitan pendidikan bangsa Melayu dan Puteri Umno selain persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang. Biarpun Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaacob (gambar) tidak menyatakan secara khusus isu yang akan dibangkitkan kali ini, namun Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno dan pemerhati politik pastinya sudah maklum akan topik yang akan dibawa ke perhimpunan kali ini. Ikuti temu bual wartawan Berita Minggu, WAN ESURIYANTI WAN AHMAD dengan Khalil di ibu negara, kelmarin mengenai persiapan menjelang perhimpunan kali ini. SEBAGAI Setiausaha Agung Umno, boleh Tan Sri menghuraikan isu menarik yang dijangka menjadi tumpuan pada Perhimpunan Agung Umno kali ini?

Secara umum, Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan dasar yang akan menyebut kedudukan parti, dasar kerajaan, perkembangan politik dalaman dan luar negara. Jadi, tumpuan pastinya akan diberi kepada ucapan dasar presiden. Ini memang biasa dan dalam perbahasan usul ini, lebih banyak masa akan diberikan berbanding dengan usul lain.